

## BOOK REVIEW

### DADAH DAN KESELAMATAN INSAN

Oleh Mohamad Daud Druis, Zarina Othman & Nor Azizan Idris. Bangi, Selangor:  
Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020, 294 Pp. ISBN: 9789674127749

#### DIULAS OLEH

Aisha Hikma<sup>1</sup>

Riki Rahman<sup>2\*</sup>

Maifuza Abdul Malik<sup>3</sup>

Pendekatan pencegahan penggunaan dadah melalui pendidikan di peringkat bangku sekolah sebenarnya telah lama dilakukan. Antara pendekatan itu ialah melukis poster berkaitan penyalahgunaan dadah. Individu yang lahir pada era 80-an pastinya melalui pengalaman melukis dan mewarna poster tersebut. Antara poster yang popular adalah gambar tengkorak dengan lilin di atas kepala. Poster ini memberikan mesej bahawa dadah adalah bahan berbahaya dan boleh membawa kepada kematian. Memandangkan masalah penyalahgunaan dadah semakin meruncing dan membahayakan keselamatan negara, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara pada tahun 1983. Kini, mereka yang lahir di tahun 80-an tersebut pastinya telah berusia lebih 40 tahun, usia yang lebih kurang sama dengan musuh nombor satu negara itu. Namun, penyalahgunaan dadah tetap berleluasa di negara. Pada masa yang sama, perang ke atasnya tetap tidak pernah berhenti sehingga ke hari ini.

Buku *Dadah dan Keselamatan Insan* karya tiga sarjana iaitu Mohamad Daud Druis, Zarina Othman dan Nor Azizan Idris terdiri daripada 7 bab dan 294 halaman. Ketiga-tiga sarjana ini memberikan kritikan yang mencabar tentang kaedah konvensional yang digunakan oleh kerajaan dalam memerangi masalah dadah di Malaysia yang dilihat semakin meruncing seiring peredaran zaman. Meskipun pelbagai usaha berterusan dilakukan oleh kerajaan, namun berulang kali pula ia berkesudahan tidak seperti yang diharapkan. Justeru, buku ini mencadangkan untuk menukar polisi memerangi penggunaan dadah daripada perspektif yang bermatlamatkan keselamatan negara, kepada yang mengutamakan keselamatan insan.

Buku ini bermula dengan bab satu, di mana persoalan dan objektif buku ini dikemukakan. Selain itu, bab ini juga sarat dengan ulasan teori dan konsep yang disajikan secara kritis dan analitis yang boleh mencabar minda pembaca. Mereka membincangkan konsep keselamatan insan sebagai konsep utama dalam buku ini. Perbincangan ini diulas secara menarik dengan memaparkan perdebatan pandangan di antara para sarjana berkenaan definisi keselamatan insan. Betapa pun perdebatan itu hebat berlaku, namun mereka sepakat bahawa keselamatan tradisional adalah ancaman berunsur ketenteraan manakala ancaman bukan tradisional berunsur jenayah yang bukan bersifat ketenteraan, seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia dan keselamatan makanan dan kesihatan. Penulis kemudian menela'ah perdebatan tersebut dan menghasilkan satu pendirian bahawa kaedah yang berbeza harus digunakan untuk menyelesaikan masalah dadah, iaitu keselamatan insan sebagai satu pendekatan alternatif dalam menangani masalah dadah di Malaysia. Penulis juga menyatakan bahawa pendekatan alternatif ini bukan

bermaksud meminggirkan pendekatan keselamatan negara, namun pendekatan baharu yang lebih berkesan perlu dilaksanakan dalam memerangi penyalahgunaan dadah.

Di bab dua, para penulis menyentuh fakta berkenaan masalah dadah di seluruh dunia. Hal ini menunjukkan betapa masalah dadah ini adalah isu sejagat. Mereka juga mengulas tentang pandangan yang berbeza dalam menangani ancaman dadah dan cabaran yang dihadapi. Di Belanda dan Denmark contohnya, cara menangani masalah dadah adalah berbeza. Ini kerana kedua-dua negara ini bersikap liberal berkaitan penggunaan dadah. Sikap liberal dalam penggunaan dadah mungkin tidak dapat direalisasikan di Malaysia atas sebab-sebab agama, norma, nilai, adat dan perlembagaan. Penulis juga membincangkan perbezaan pendapat di antara golongan intelek berkaitan hubungan penggunaan dadah dengan jenayah. Satu pihak percaya pengguna dadah tidak semestinya penjenayah, tetapi pihak lain berpandangan sebaliknya.

Bab tiga menceritakan sejarah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Tanah Melayu yang kemudian diikuti dengan kelulusan undang-undang pada tahun 1953. Berikutan penggunaan dadah yang semakin meningkat dan berpotensi mengancam keselamatan negara, maka kerajaan mewujudkan Akta Penagih Dadah dan mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara pada tahun 1983. Pada tahun yang sama Jawatankuasa Anti Dadah dan Petugas Anti Dadah diwujudkan bagi mengatasi masalah ini. Kerajaan menjatuhkan hukuman gantung mati mandatori kepada pesalah pengedaran dadah. Meskipun usaha telah dilakukan dan undang-undang yang ketat diwujudkan, penggunaan dan penjualan dadah masih meningkat menjelang tahun 1989. Tiada apa-apa perubahan yang ketara, justeru sebaliknya minyak disimbah ke dalam api, kerana dengan setiap usaha baru yang dilakukan, tindak balas yang sama berlaku. Tulisan di bab ini agak mencabar kerana ia mengaitkan usaha membanteras dadah dengan rasuah. Disebabkan rasuah, pengguna dadah yang mempunyai wang dan hubungan peribadi dengan pegawai kerajaan boleh membeli tiket "bebas dari penjara" untuk diri mereka sendiri. Jadi tidak kira berapa banyak dan berapa kerap mereka dihumban ke penjara, akhirnya mereka masih berkeliaran di jalanan dan meneruskan tabiat mereka yang merosakkan negara.

Bab empat menyimpulkan bahawa kekuatan pengaruh seseorang boleh mempengaruhi orang lain dalam sebuah komuniti, terutamanya dalam kalangan anak muda. Seorang pengguna dadah boleh dengan mudah mempengaruhi ahli komuniti yang masih muda dan mudah terpengaruh untuk menyertai tingkah laku buruknya. Atas dasar ini penulis menekankan betapa pentingnya mengatasi ancaman dadah dari sudut pandang keselamatan insan.

Dalam bab lima, penulis memaparkan sokongan data berkaitan ancaman dadah dengan kesihatan pengguna dadah. Data-data menunjukkan bahawa penularan penyakit berjangkit seperti HIV dan AIDS dalam kalangan pengguna dadah dilihat amat membimbangkan. Perkara ini membuktikan pengguna dadah yang dilihat semakin berleluasa dalam suatu komuniti sangat terdedah kepada penyakit yang amat berbahaya ini.

Bab enam berkaitan pendekatan dan pengurusan dadah. Bab ini menyorot salah urus dalam menangani pesakit ketagih dadah. Dalam satu temu bual dengan mangsa penagih dadah diceritakan bahawa berlaku salah urus keseluruhan sistem kaunseling yang tujuan asalnya untuk menyembuhkan ketagihan mereka. Bukan kesembuhan yang didapati, justeru si penagih menjadi lebih ketagih dan akhirnya menjadi pengedar dadah bagi menanggung ketagihannya yang semakin meningkat. Salah urus ini boleh jadi disebabkan kekurangan pakar atau bajet atau rasuah yang melibatkan pihak tertentu. Meskipun kerajaan telah melabur berbilion-bilion ringgit semenjak tahun 1983, namun isu ini belum dapat diatasi sepenuhnya.

Dalam bab tujuh penulis mencadangkan penyelesaian bagi menangani masalah dadah di negara ini. Negara perlu menggunakan pendekatan yang lebih berkesan di mana pendekatan

keselamatan insan diutamakan berbanding keselamatan negara seperti mana yang telah diamalkan sepanjang lebih tiga dekad sebelum ini.

Karya ini patut dipuji kerana ia tidak seperti kebanyakan buku berkaitan dadah di pasaran yang lebih berminat untuk menyalahkan penagih dadah atas nasib malang mereka. Keistimewaan buku ini ialah menawarkan solusi yang lebih komprehensif kepada kerajaan dalam menangani isu dadah. Ini kerana pendekatan yang digunakan selama ini dilihat gagal dalam menangani ancaman dadah di negara ini. Solusi yang ditawarkan ialah penggunaan pendekatan keselamatan insan, satu pendekatan yang tidak pernah dibincangkan dan dicadangkan oleh mana-mana buku di pasaran selama ini. Keupayaan penulis dalam memaparkan data-data empirikal dan statistik untuk membuktikan bahawa dadah boleh mengancam komuniti dan kesihatan patut diberi pujian. Satu perkara lagi yang boleh menarik perhatian pembaca adalah penulis buku ini mengaitkan isu dadah dengan rasuah. Walaupun ia dibincangkan sedikit di bahagian tertentu dalam bab buku ini, namun ia satu huraian yang berani yang diketengahkan oleh para penulis buku ini. Hal ini menunjukkan bahawa rasuah juga boleh menyumbang kepada terbantutnya usaha kerajaan dalam memerangi dadah selama ini.

Keterbatasan buku ini ialah jalan penyelesaian yang dicadangkan hanya tertumpu kepada pihak kerajaan. Adalah wajar jika penglibatan ibu bapa dalam keluarga dan guru di sekolah juga menjadi sebahagian daripada cadangan penyelesaian yang komprehensif dalam menangani isu dadah, terutamanya dalam kalangan remaja. Ini kerana ibu bapa dan guru adalah orang yang paling banyak meluangkan masa bersama mereka. Peranan ibu bapa dan guru amat penting bagi memastikan golongan remaja ini tidak terjerumus ke dalam perangkap penyeludupan atau penyalahgunaan dadah. Selain itu, buku ini tidak menyediakan bukti dan data statistik daripada negara-negara luar yang telah berjaya mengelakkan penagih dadah daripada kembali kepada tabiat lama dengan cara mewujudkan dana baru sebagai gaji bulanan kepada penagih. Faktor kegagalan mendapatkan pekerjaan menjadi sebab seseorang itu menjadi penagih semula adalah tidak relevan kerana tiada siapa boleh menjamin penagih yang menerima bantuan bulanan daripada kerajaan tidak akan menggunakan wang itu untuk dadah juga.

Karya ini wajib dimiliki oleh para pembaca serta peminat isu-isu dadah dan sewajarnya dijadikan antara buku rujukan utama dan rujukan para penggubal dasar, penguatkuasa, penganalisis, akademia serta pelajar.

---

<sup>1</sup>Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Malaysia

<sup>3</sup>Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jalan Maktab Perguruan Islam, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: riki@uthm.edu.my